

**SOALAN NO.: 5**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**

**KAWASAN : SETIAWANGSA**

**TARIKH : 12 JUN 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI (SETIAWANGSA) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan perkembangan perbincangan serta resolusi yang telah dipersetujui oleh pihak Kementerian dengan syarikat konsesi tol berikut daripada laporan kerugian yang diterima oleh syarikat konsesi tol yang beroperasi di Lembah Klang. Adakah resolusi tersebut mengambil kira kaedah terbaik untuk mengurangkan beban pengguna.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya bersama-sama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM), Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara sedang membuat kajian yang menyeluruh berhubung isu-isu berkaitan konsesi tol lebuh raya sedia ada di negara ini.

Kajian ini telah memperincikan beberapa cadangan tol yang bersesuaian seperti penstrukturran semula kadar tol dengan mengambil kira kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat konsesi terbabit. Ia turut melibatkan cadangan pindaan terhadap terma-terma perjanjian konsesi sedia ada di mana ini memerlukan persetujuan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan dan pihak konsesi.

Sehubungan itu, pada masa kini beberapa siri rundingan telah diadakan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya berkaitan. Rundingan tersebut bertujuan untuk mencari kaedah penyelesaian jangka pendek, sederhana dan jangka panjang berkaitan isu tol. Prinsip utama rundingan ialah berasaskan situasi ‘menang-menang’ kepada semua pihak, iaitu Kerajaan, rakyat, syarikat konsesi, pelabur dan pemberi pinjaman. Hasil rundingan dengan syarikat konsesi ini dijangka akan dibentangkan dalam tempoh masa terdekat ini untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

Sekian. Terima kasih.